

- **Program Semarak Dekad Membaca**

Pembangunan Modal Insan yang seimbang merupakan sebahagian daripada keperluan yang diserapkan oleh setiap organisasi, khususnya di PUTM. Salah satu langkah ke hadapan yang telah diusahakan di BPSK adalah untuk memastikan keterlibatan staf dalam aktiviti sampingan selain daripada tugas rutin harian. Pengisian serta pemupukkan nilai moral melalui program khidmat masyarakat turut diperluaskan sebagai satu tanggungjawab sosial.

Melalui Program Semarak Dekad Membaca yang dikendalikan oleh Bahagian Penyelidikan & Perkhidmatan Maklumat, BPSK telah berbesar hati untuk menyediakan 60 bungkusan beg cenderamata kepada anak-anak kelainan upaya dari Sekolah Pendidikan Khas Princess Elizabeth, Johor Bahru, Johor, sebuah sekolah bagi pelajar cacat penglihatan. Usaha meraikan anak-anak ini merupakan sokongan pihak BPSK untuk menceriakan lagi suasana galakan membaca di kalangan masyarakat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama serta keupayaan mereka untuk membina tamadun ilmu.



Tahun 2019 merupakan kali pertama staf di BPSK melibatkan diri melalui sinergi bersama Bahagian lain di PUTM. Selain memupuk keprihatinan dan memenuhi tanggungjawab sosial di peringkat Bahagian, usaha ini juga dilihat sebagai pencetus kepada kepelbagaian sumber sokongan dalam menjayakan aktiviti di PUTM.